



# POLISI ANTIDADAH

## JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

1. Adalah menjadi satu pelanggaran polisi jabatan sekiranya mana-mana pegawai didapati memiliki, menjual, berurus niaga atau menawarkan untuk menjual dadah atau sebaliknya terlibat dengan penggunaan dan penyalahgunaan dadah, alkohol dan bahan psikotropik semasa bekerja;
2. Adalah menjadi satu kesalahan ke atas polisi jabatan apabila ada sesiapa yang bertugas di bawah pengaruh dadah, alkohol dan bahan psikotropik;
3. Adalah menjadi kesalahan sesiapa yang menggunakan ubat-ubatan yang disyorkan oleh pegawai perubatan tanpa mengikut peraturan;
4. Mana-mana pegawai yang menggunakan ubat-ubatan yang disyorkan oleh pegawai perubatan perlu memaklumkan kepada penyelianya jika pengambilan ubatan tersebut menjaskannya keupayaannya;
5. Pelanggaran polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib dari peringkat surat tunjuk sebab, gantung kerja tanpa gaji, atau buang kerja;
6. Mana-mana pegawai yang tampil secara sukarela buat kali pertama wajar dipertimbangkan untuk menjalani rawatan dan pemulihan;
7. Semua pegawai sewajarnya bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta mereka dikehendaki menggalakkan rakan-rakan sekerja yang mungkin terlibat dengan penyalahgunaan dadah, alkohol dan bahan psikotropik untuk mendapatkan rawatan; dan
8. Menjadi tanggungjawab penyelia untuk menasihati pegawai apabila melihat perubahan dalam prestasi atau kelakuan yang menunjukkan kakitangan terlibat dengan penyalahgunaan dadah, alkohol atau bahan psikotropik. penyelia hendaklah menasihati dan mendorong pegawai tersebut untuk mendapatkan rawatan dan memberitahu sumber-sumber yang boleh memberikan pertolongan kepadanya.

MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF

Pengarah

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

Berkuatkuasa : 9 Januari 2024